

Headline	TNB rancang melaksanakan rumusan mudah alih suku ketiga tahun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 May 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	18
ArticleSize	387 cm ²	Journalist	MUHD. SHAH IZ
PR Value	RM 22,946		



TNB rancang melaksanakan rumusan mudah alih suku ketiga tahun ini

Oleh **MUHD. SHAHIZAM TAZALI**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 8 Mei - Tenaga Nasional Berhad (TNB) merancang untuk memulakan rumusan mudah alih bagi rangkaian kuasa dan pengurusan aset kabelnya di seluruh Semenanjung menjelang suku ketiga tahun ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd. berkata, percubaan menggunakan rumusan mudah alih bagi pengurusan pembinaan kumpulan, pencawang, operasi voltan rendah dan pembaikan dijangka dilaksanakan pada suku kedua 2018.

"Kumpulan akan menggunakan pakai teknologi baharu bagi operasi grid. Melalui pendekatan ini, TNB dapat menambah baik pengurusan aset dan pada masa sama meluaskan penggunaan rumusan mudah alih," katanya dalam kenyataan di sini

hari ini.

Dalam pada itu, Azman berkata, kumpulan akan terus meneroka potensi pengambilalihan aset yang boleh diperbaharui seperti tenaga solar dan angin di peringkat global.

"Kami telah terlibat secara aktif dengan bidaan tenaga hijau bagi aset boleh diperbaharui di peringkat antarabangsa sejak 2016," katanya.

Sementara itu Azman berkata, TNB akan memanfaatkan teknologi, menawarkan perkhidmatan relevan berkaitan tenaga serta menambah baik kecekapan bagi meningkatkan pengalaman pelanggan dan keuntungan domestik pada masa depan.

Jelasnya, aktiviti kumpulan sentiasa dipertingkatkan melalui pelbagai medium antaranya teknologi dan digital bagi mencapai sasaran berkenaan.

"Kumpulan turut mengukuhkan pusat hubungan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memberi khidmat kepada para pelanggan yang jauh selain bekerjasama erat dalam kalangan kumpulan TNB dan pelbagai pihak berkepentingan untuk menyediakan perkhidmatan berkaitan tenaga.

"Perkhidmatan ini dijangka memperbaiki keuntungan domestik TNB dan mengukuhkan perkhidmatan pelanggan apabila pemisahan entiti khidmat pelanggan pada 2018," ujarnya.



AZMAN MOHD.